

Apabila Kos Sara Hidup Meningkatkan

PERKEMBANGAN ekonomi global yang mencabar yang memberikan kesan langsung kepada ekonomi domestik pada tahun lalu, terus berlarutan dan membawa rakyat Malaysia untuk mendepani kemelut peningkatan kos sara hidup pada tahun 2016. Pertumbuhan 4.5 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang dianggap paling rendah sejak lima tahun belakangan ini dipengaruhi penurunan kecenderungan berbelanja dan kesan kadar eksport, di samping faktor luaran, seperti kedudukan ekonomi China, kejatuhan harga minyak mentah dunia dan kadar mata wang Amerika Syarikat. Untuk itu, usaha bagi mengurangkan beban kos kehidupan rakyat, sekali gus mendepani kegawatan ekonomi yang berterusan pada tahun ini, merupakan langkah yang signifikan dan harus diberikan keutamaan oleh kerajaan.

Pihak berkuasa komited untuk memenuhi tanggungjawab bagi mengawal dan memantau rantaian pengeluaran dan pembekal yang sewenang-wenangnya menaikkan harga barang dan perkhidmatan atas alasan perubahan pasaran ekonomi yang akhirnya, mengundang beban kepada masyarakat. Apatah lagi sudah genap setahun negara mengaplikasikan cukai barangan dan perkhidmatan (CBP) pada kadar enam peratus sejak 1 April 2015, yang menyaksikan peningkatan harga bagi barang dan perkhidmatan, melainkan yang dikecualikan oleh kerajaan, seperti bahan makanan terkawal dan yang berkaitan dengan kesihatan. Tidak dapat dinafikan bahawa, aspek bahan makanan dan pengangkutan misalnya, merupakan antara penunjuk kesejahteraan yang signifikan untuk menjamin rakyat dapat meneruskan



kehidupan, meskipun berdepan dengan situasi ekonomi yang mencabar.

Ternyata isu harga barang naik bukan hanya menjadi fenomena yang hangat diperkatakan pada hari ini, malah menjadi mimpi ngeri yang semakin menghantui kehidupan masyarakat, khususnya yang berpendapatan rendah dan sederhana. Kenaikan harga barang untuk kegunaan harian dilihat turut meragut "ketenangan" hidup golongan bawahan kerana mereka tidak ada banyak pilihan, ditambah pula dengan faktor pelbagai keperluan yang sangat mendesak, melainkan terpaksa juga membeli barang keperluan harian walaupun harganya mahal daripada biasa.

Secara umumnya, banyak faktor yang menjadi punca dan mempengaruhi kenaikan atau penurunan harga barangan keperluan harian, seperti permintaan, bekalan barang dan cuaca, di samping faktor yang

Pasaran memerlukan harga turun dan naik untuk membolehkan isu lebih atau kekurangan produk diatasi.



Perkhidmatan awam yang efisien dengan tambang menurut hukum pasaran. Pasaran membantu rakyat mengatur perbelanjaan berhemat.

disebabkan oleh musim perayaan. Pada dasarnya, naik turun harga barang, terutamanya makanan, adalah lumrah menurut hukum pasaran. Pasaran memerlukan harga turun dan naik untuk membolehkan isu berlebihan atau kekurangan produk diatasi. Sebagai peranan asas harga, sekiranya berlaku lambakan, hanya melalui harga yang rendah, stok berlebihan dapat dijual dan begitu juga jika hal yang sebaliknya berlaku.

Walau bagaimanapun, apabila harga barang keperluan meningkat melebihi paras normal atau harga meningkat secara berlebih-lebihan hingga payah dikawal, sudah pasti keadaan ini sukar ditanggung oleh masyarakat, khususnya yang berpendapatan rendah. Belakangan ini, senario memperlihatkan harga makanan mengalami peningkatan yang agak drastik hingga mengejutkan pengguna yang terpaksa berdepan dengan keadaan yang sukar.

Dalam perkembangan ini, banyak pengguna yang meletakkan kesalahan kepada pengeluar, pemborong, peruncit dan peniaga kerana menyebabkan kenaikan harga barang berlipat kali ganda hingga menjerut kesejahteraan golongan pengguna. Kebanyakan

Struktur Perbelanjaan

daripada mereka meletakkan semua beban kenaikan kos, seperti pengurangan subsidi gula, kenaikan upah serta kos input, di bahu rakyat dengan menaikkan harga produk yang dihasilkan.

Walaupun pemborong dan peniaga sememangnya terpaksa berhadapan dengan kenaikan kos pengeluaran serta perkhidmatan, kadangkala kenaikan harga yang dikenakan terhadap barang dan perkhidmatan yang ditawarkan terlalu tinggi. Keadaan ini memperlihatkan bahawa ada pihak pemborong, pengeluar, atau peniaga yang menanggung di air yang keruh, sekali gus mengetepikan etika dalam perniagaan.

Berdasarkan penelitian terhadap aspek persekitaran semasa, dapat dirumuskan bahawa kenaikan harga dapat disebabkan oleh gabungan faktor fundamental dan teknikal. Faktor fundamental melibatkan interaksi penawaran dan permintaan, manakala faktor teknikal melibatkan persepsi pengeluar, peniaga, dan pengguna yang berkaitan dengan aliran pasaran. Dalam hal ini, yang lebih signifikan ialah tindakan yang diambil oleh mereka yang secara langsung mempengaruhi pasaran.

Sehubungan dengan itu, jika permintaan mengejar penawaran, harga akan meningkat dan apabila penawaran melebihi permintaan, harga pula akan jatuh. Hal ini adalah mengikut hukum pasaran bebas. Peningkatan taraf hidup, populasi penduduk yang meningkat, perbezaan gaya hidup serta pola pemakanan yang berubah menyebabkan berlakunya peningkatan terhadap permintaan semua produk termasuk makanan.

Walau bagaimanapun, dalam ketidaktentuan ekonomi global, respons menunjukkan bahawa ekonomi di banyak negara sedang menghadapi kesukaran untuk menjana pertumbuhan secara semula jadi dan ekonomi Malaysia yang tidak terkecuali terkena tempasnya, perlu mengambil langkah yang lebih proaktif bagi memastikan kelembapan ekonomi dapat diminimumkan.

Oleh hal yang demikian, pembaharuan Belanjawan 2016 yang diumumkan pada 28 Januari lalu, bertepatan dengan masa dan keadaan. Namun begitu, penstrukturan belanjawan itu bukanlah bertujuan untuk mencapai tahap rangsangan fiskal memandangkan defisit kerajaan masih dikekalkan, sebaliknya penyusunan semula itu merupakan bentuk tindak balas terhadap persekitaran ekonomi yang diunjurkan perlahan.

© 2016 EKONOMI

Sasaran defisit dikekalkan oleh kerajaan bagi mengurus jangkaan oleh pihak yang berkepentingan, seperti pelabur asing dan agensi penarafan kredit. Dalam hal ini, penurunan kadar caruman Kumpulan Wang simpanan Pekerja (KWSP) pada pihak pekerja sebanyak tiga peratus amat dialu-alukan untuk meningkatkan kuasa beli isi rumah. Pendekatan sedemikian pernah dilaksanakan pada tahun-tahun 2001, 2003 dan 2009, bagi menangani risiko kelembapan ekonomi. Langkah ini berupaya merangsang perbelanjaan isi rumah yang merangkumi lebih 50 peratus daripada KDNK.

Pada masa yang sama, kerajaan menyatakan komitmen untuk meningkatkan usaha bagi membendung kegiatan mengelak cukai dengan memberikan insentif supaya lebih ramai rakyat Malaysia mengisytiharkan pendapatan mereka. Perkara ini dapat diterjemahkan melalui peningkatan kutipan percukaian langsung yang lebih cekap, sekali gus memantapkan asas cukai negara yang menyumbang kepada sumber pendapatan negara.

Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan kewangan negara dengan memperkenalkan CBP bagi menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan (CJP) yang diamalkan sebelum ini. CBP yang merupakan cukai penggunaan dan berasaskan konsep nilai ditambah melibatkan pungutan cukai yang lebih kerap berbanding dengan pungutan CJP yang dikutip hanya sekali. Cukai sudah pasti mempunyai fungsi yang signifikan bagi menentukan hala tuju sistem ekonomi dan sosial sesebuah negara. Cukai sebagai bayaran wajib yang dikenakan oleh kerajaan terhadap penggunaan, pendapatan, kekayaan, atau asas lain adalah demi kepentingan dan manfaat rakyat sesebuah negara.

Di samping itu, perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan serta geran akan dirasionalisasikan bagi memastikan kerajaan sentiasa berhemat dalam perbelanjaan mengurus. Perbelanjaan pembangunan, seperti pelaksanaan projek fizikal pula memfokuskan projek yang memberikan manfaat kepada rakyat secara langsung dan seterusnya mempunyai kesan berganda yang tinggi. Hal ini dapat dilihat dari segi permintaan buruh serta bahan mentah untuk membangunkan projek fizikal yang dirancang, tetapi perincian yang signifikan sewajarnya diberikan perhatian supaya tidak berlaku ketirisan dan pembaziran.

Sebagai sebuah kerajaan yang mengutamakan kesejahteraan hidup rakyat dan prihatin dengan keluh-kesah rakyat, negara juga mengambil inisiatif bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat, seperti menambah jumlah Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) di beberapa buah lokasi strategi di seluruh negara. Selain itu, kerajaan merancang untuk menambah lebih banyak Klinik 1Malaysia yang terbuka banyak memberikan manfaat untuk meringankan bebanan rakyat.

Sejak dua tahun lalu, kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Menangani Kos Sara Hidup yang juga bertujuan untuk menangani setiap isu berkaitan dengan kenaikan kos hidup rakyat dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan berperanan sebagai sekretariat dan peneraju jawatankuasa khas itu. Kerajaan juga mendapatkan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan yang berkaitan dengan isu pengguna kerana gerakan kepenggunaan amat penting untuk memastikan rakyat tidak menjadi mangsa kepada pihak yang mengambil untung melampau.

Cukai sudah pasti mempunyai fungsi yang signifikan bagi menentukan hala tuju sistem ekonomi dan sosial sesebuah negara.

